

Headline	Kebakaran terbuka: Malaysia gesa negara anggota ASEAN ambil tindakan		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	16 Oct 2019	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	11,025
Page No	6	Readership	33,075
Language	Malay	ArticleSize	212 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 470
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,409



Kebakaran terbuka: Malaysia gesa negara anggota ASEAN ambil tindakan

KUALA LUMPUR: Malaysia menggesa negara anggota ASEAN mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat terlibat melakukan pembakaran terbuka sehingga menyebabkan jerebu rentas sempadan.

Gesaan itu dibuat Malaysia dalam Mesyuarat ke-15 Conference of Parties bagi Perjanjian ASEAN berhubung Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (AATHP) sempena Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Alam Sekitar (AMME) di Kemboja pada 7 hingga 9 Okt lepas.

Delegasi Malaysia diketuai Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Peruba-

han Iklim (MESTECC) Isnaraissah Munirah Majlis.

MESTECC dalam satu kenyataan kelmarin berkata Malaysia turut menggesa supaya tindakan undang-undang itu diambil tanpa mengira negara asal syarikat terbabit.

"Malaysia turut memaklumkan pendirian bahawa walaupun isu kebakaran hutan dan tanah adalah isu domestik, pencemaran udara merentas sempadan perlulah ditangani secara holistik.

"Malaysia juga bersedia untuk menghulurkan bantuan pemedaman kebakaran kepada negara terjejas bagi mengelak berulang insiden jerebu rentas sempadan yang memberikan impak kepada

sosioekonomi dan kesihatan rakyat di rantau ASEAN," menurut kenyataan itu.

Pada mesyuarat itu juga, Malaysia berkongsi hasil kajian yang dilaksanakan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 2015.

"(Menurut kajian itu) dianggarkan kerugian ekonomi mencecah RM1.18 bilion melibatkan sektor pelancongan, peniaga kecil, peningkatan kos perubatan dan kekurangan pendapatan pemandu teksi semasa insiden jerebu pada 2015.

"Malaysia turut menganggarkan jumlah kerugian ekonomi lebih tinggi semasa insiden jerebu pada tahun ini," menurut kenyataan itu. -Bernama